

Seretkan jawapan pada ruangan yang disediakan.

IDEA UTAMA DAN IDEA SAMPINGAN

Daun pisang digunakan sebagai pembungkus makanan.

Menjual daun pisang kepada peniaga.

Menanam pokok pisang emas, rastali, embun dan berangan.

Pisang mendapat permintaan tinggi di pasaran.

Pisangnya sentiasa laris apabila dijual.

Kenal pasti idea utama dan idea sampingan dalam petikan.

1. Pak Leman mengusahakan tanaman pokok pisang di kebunnya yang terletak di belakang rumah. Beliau menanam pokok pisang emas, rastali, embun dan berangan.

Idea utama

mengusahakan tanaman pokok pisang di kebunnya

Idea sampingan

2. Pak Leman menanam pokok pisang kerana pisang mendapat permintaan yang tinggi di pasaran. Hasil tanaman pisangnya sentiasa laris apabila dijual. Pelanggannya terdiri daripada peniaga makanan dan pengusaha kerepek.

Idea utama

Idea sampingan

3. Selain menjual buah pisang, Pak Leman juga menjual daun pisang kepada peniaga nasi lemak dan kuih. Hal ini demikian kerana daun pisang digunakan sebagai pembungkus makanan tersebut.

Idea utama

Idea sampingan

Seretkan jawapan pada ruangan yang disediakan.

Membantu kita menjana idea
bernas

Berjoging, berjalan lambat-lambat,
berbasikal dan pelbagai aktiviti
regangan

Mengelakkan diri daripada terjebak
dalam kegiatan yang tidak berfaedah.

Kita dapat melakukan aktiviti
harian dengan mudah.

Setiap petang, Encik Kamil akan membawa keluarganya bersenam di taman. Pelbagai aktiviti dilakukan oleh mereka di taman. Contohnya, berjoging, berjalan lambat-lambat, berbasikal, dan pelbagai aktiviti regangan.

Banyak faedah yang diperoleh daripada aktiviti bersenam. Bersenam dapat menyihatkan badan. Apabila badan sihat, kita dapat melakukan aktiviti harian dengan mudah.

Bersenam juga dapat mengisi masa lapang. Oleh itu, masa lapang tidak terbuang begitu sahaja. Kita juga dapat mengelakkan diri daripada terjebak dalam kegiatan yang tidak berfaedah.

Aktiviti bersenam dapat menjadikan otak cerdas. Otak yang cerdas membantu kita menjana idea yang bernas sekali gus cemerlang dalam pelajaran.



Idea Utama	Idea Sampingan
Pelbagai aktiviti dilakukan oleh mereka di taman.	
Bersenam dapat menyihatkan badan.	
Bersenam dapat mengisi masa lapang.	
Aktiviti bersenam dapat menjadikan otak cerdas.	